

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
KAMPUS CYBERJAYA, SELANGOR
MAJLIS PERASMIAN KONVO KARNIVAL UNIVERSITI MULTIMEDIA
09 FEBUARI 2001**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke-hadrat Ilahi kerana sekali lagi kita dapat bertemu dalam satu lagi Majlis Universiti yang bermakna ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan majlis pembukaan, Konvo Karnival MMU 2001.

2. Tahniah diucapkan kepada pihak penganjur kerana sekali lagi telah berjaya menganjurkan Program Konvo Karnival MMU 2001.

3. Universiti Multimedia sedang mengorak langkah melahirkan graduan-graduannya setelah berjaya mengadakan majlis Konvokesyen Pertamanya pada tahun lepas, dan tahun ini ia terus melahirkan lebih banyak graduan-graduannya buat kali kedua. Sebagai sebuah universiti yang agak baru, ini adalah satu perkembangan yang positif lagi membanggakan.

4. Bagi memeriahkan lagi majlis Konvokesyen ini, pihak Universiti telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Konvo Karnival MMU 2001. Saya amat berbangga apabila difahamkan bahawa para Siswa Universiti ini telah bertungkus lumus untuk menjayakan program yang boleh dianggap besar ini. Ini dapat memupuk sifat kepimpinan dan tanggungjawab dalam diri para Siswa sebelum melangkah ke alam pekerjaan kelak. Semoga lebih ramai lagi pakar-pakar pengurusan yang berpengalaman dapat dilahirkan hasil daripada projek-projek sebegini.

5. Selain itu, Konvo Karnival MMU 2001 ini juga dapat menarik penyertaan institusi-institusi pengajian lain seterusnya dapat mengeratkan lagi hubungan antara mahasiswa seluruh Malaysia. Secara tidak langsung, ia dapat memperkenalkan Universiti Multimedia ke seluruh pelusuk tanahair. Tarikan yang diberikan adalah dengan harapan agar Universiti ini dapat melahirkan lebih ramai lagi graduan berteknologi maklumat dalam usaha Kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

6. Penyatuan mahasiswa serta kakitangan secara keseluruhan dalam sebuah Institusi Pengajian Tinggi adalah amat penting. Oleh itu dengan adanya karnival ini, secara tidak langsung hubungan warga Universiti Multimedia dapat dieratkan lagi. Ini adalah kerana, untuk bekerja secara berpasukan, hubungan yang baik antara kakitangan dan pelajar adalah amat penting. Justeru, saya berharap agar keadaan ini dapat disemai di Universiti ini bersempena dengan program ini dan juga untuk hari-hari mendatang.

7. Malaysia sedang dalam usaha untuk membentuk sebuah masyarakat celik IT. Justeru, pelbagai usaha harus dilakukan untuk menjadikan hasrat itu satu kenyataan.

Konvo Karnival ini juga boleh membantu mencapai tujuan tersebut. Berkesempatan dengan kunjungan orang ramai sempena majlis Konvokesyen, kita harus mengambil peluang untuk menunjukkan kepada mereka kemajuan Teknologi Maklumat yang dinikmati dalam kampus ini. Secara tidak langsung ia juga dapat menyedarkan serta menarik minat masyarakat tentang pentingnya teknologi sebegini dalam menuju era digital masa kini.

8. Penyertaan masyarakat dalam program sebegini juga boleh merapatkan jalinan ukhwah antara pihak Universiti dengan penduduk sekitar kampus. Memandangkan kawasan ini adalah kawasan pembangunan yang agak baru dan Universiti ini dianggap "the heart of Cyberjaya", ia adalah penting bagi kita mengenali orang di sekeliling kita. Masyarakat luar juga perlu tahu apakah yang berlaku di dalam kawasan kampus ini agar mudah bagi mereka melibatkan diri dan memberi kerjasama yang baik untuk faedah kita bersama.

9. Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua pihak agar menjaga kepentingan hubungan baik sesama kita. Semoga dengan adanya Konvo Karnival ini kita dapat menjaga ukhwah yang baik dengan semua orang terutama di kalangan warga kampus ini sendiri mahupun dengan pihak-pihak luar yang sentiasa memandang kita dari jauh.

10. Akhir kata, saya mendoakan agar perjalanan Konvo Karnival ini akan berjaya dari mula hingga ke akhirnya dan pertemuan kita pada kali ini akan merapatkan lagi persaudaraan antara kita semua.

11. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini merasmikan Konvo Karnival MMU 2001.

12. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.